

# Semua anggota kabinet tidak dibenar beli saham — PM

**K**UALA LUMPUR 21 Sept. — Semua anggota kabinet dan ahli politik dalam kerajaan tidak lagi dibenarkan membeli saham dan seboleh-bolehnya mereka hendaklah menjual saham yang mereka punyai.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata mereka akan diberikan masa untuk berbuat demikian kerana penjualan saham bukanlah satu perkara mudah.

Bagaimanapun kebanyakan menteri telah mengisytiharkan harta masing-masing kecuali menteri baru, katanya di persidangan akhbar selepas berakhirnya Perhimpunan Agung UMNO ke-37 di sini.

Ketika ditanya sama ada saham yang telah ditukarmilik kepada syarikat keluarga perlu dijual, beliau berkata jika ia sudah dijual mereka tidak perlu berbuat demikian.

Yang penting, katanya, tidak harus berlaku apa-apa transaksi saham — pembelian atau penjualannya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin semasa menjawab hujah semasa perbahasan usul pada akhir perhimpunan-tiga hari itu.

Perdana Menteri berkata sungguhpun kerajaan sebenarnya tidak boleh memaksa mereka menjual saham yang dimiliki tetapi jika mereka mempunyai banyak saham dalam syarikat yang mereka ada pengaruh, maka mereka hendaklah melepaskannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan juga telah mengkaji semula masalah membuat keputusan mengenai permohonan daripada pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Katanya, terlalu banyak kerenah birokrasi dalam urusan itu sekarang sehingga menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan pelabur.

Dengan itu, tegasnya, kerajaan mengambil keputusan menghapuskan perkara yang tidak diperlukan seperti melonggarkan syarat kepada pekerja asing yang bekerja dalam syarikat pelaburan asing di negara ini.

Beliau berkata kerajaan akan menetapkan bilangan pekerja berkenaan dan tidak diisytiharkan memperbaharui permit mereka pada setiap tahun.

Perdana Menteri berkata beliau akan mengumumkan langkah baru kerajaan mengenai pelaburan asing itu semasa mengadakan perjumpaan dengan para pelabur di Amerika Syarikat pada 30 September ini.

Ketika ditanya sama ada langkah baru itu terpaksa diambil kerana Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) tidak berkesan atau sebaliknya, beliau berkata untuk mengatakan demikian ia tidaklah tepat.

Katanya, MIDA berjaya menarik pelaburan asing tetapi usaha meningkatkannya perlu dibuat memandangkan banyak persaingan dari negara lain dalam menyediakan peluang kepada pelabur asing.